

HASIL KAJIAN

SEJARAH SUKAN PETANQUE

26 Dec, 2023 [Volume 2 Issue 7](#) 📄 8 viewsBy [Mahathir Muhamad](#) , [Zul Karami Che Musa](#) , [Abd Aziz Mat Hassan](#) , [Muhammad Naqib Mat Yunoh](#) & [Dr. Mohd Zulkifli Muhammad](#)

🗨️ 0 comments 🍷 0 likes 📌

f 🐦 in 📌



Sejarah permainan petanque dikesan kewujudannya semenjak tahun 9000 sebelum masihi apabila satu set bola batu dan jek ditemui di Turki. Satu set bola juga ditemui di makam orang-orang mesir , dipercayai berusia sekitar tahun 7000 sebelum masihi.

Pada zaman purba, sukan ini dimainkan oleh orang-orang Rom dan Greek. Dipercayai bahawa orang-orang Rom merupakan orang pertama yang membawa permainan petanque ini ke Marseilles kira-kira 2600 tahun dahulu.

Pada zaman pertengahan, permainan ini sangat popular sehingga ia dilarang dari dimainkan. Pada kurun ke-17, para bangsawan Perancis telah menjadikan sukan ini kepunyaan mereka sahaja dan Raja Louis XIV telah meletakkan peraturan permainan tersebut kepada 14 mata.

Sewaktu perang, tentera Napoleon Bonaparte menggunakan peluru merian sebagai bola permainan. Dikhabarkan juga bahawa Sir Francis Drake telah menamatkan permainan bola tersebut sebelum beliau bersiap-siaga menewaskan bala tentera Sepanyol.


Sejarah moden permainan petanque bermula di Clotat, Perancis pada tahun 1910 apabila sesorang lelaki cacat yang baru sembuh dari kemalangan sewaktu menyaksikan sukan ini telah mengambil salah satu bola tersebut dan membalingkannya dengan tepat sekali pada kedudukan berdiri. Sukan ini kemudiannya berkembang ke semua tanah jajahan Perancis di Afrika, Pasifik Selatan dan Eropah Barat.

Pada akhir dekad ini, ia juga dimainkan di negara Eropah Timur dan Asia seperti Thailand , Malaysia , Vietnam , Kemboja , Laos , Jepun dan Singapura.

International Pétanque federation atau Fédération Internationale de Pétanque et Jeu Provençal (FIPJP) telah ditubuhkan pada tahun 1958 di Marseille. Persatuan ini mempunyai keahlian seramai 600,000 ahli dari 52 buah negara. Kejohanan Petanque Dunia yang pertama telah dianjurkan pada tahun 1959.

Permainan petanque dipercayai dibawa masuk dan diperkenalkan di Malaysia oleh Professor Diraja Ungku Aziz , Yang Dipertua ANGKASA pada pertengahan tahun 1989. Setelah beberapa bulan dimainkan , akhirnya sukan petanque telah dirasmikan sebagai salah satu acara sukan negara. Upacara perasmian telah dilakukan oleh Menteri Belia dan Sukan pada masa itu iaitu YB Datuk Seri Najib Tun Razak pada tanggal 22 Mac 1990 di Padang Jalan Timur, Petaling Jaya.

Pada tahun 1993 , permainan petanque telah diiktiraf oleh Kementerian Belia dan Sukan sebagai salah satu acara sukan baru. Seminar untuk sukan ini telah diadakan di Universiti Malaya pada 24 April 1994 anjuran Kementerian Belia dan Sukan.



Mahathir Muhamad

0 Comments

Login

Newest ▾



Share your thoughts about that



Become the first to comment

Related posts

HASIL KAJIAN

LANGUAGE AS LEVERAGE: INTRODUCTION TO MASTERING THE ART OF PERSUASION IN ENTREPRENEURIAL PITCHING

26 Dec, 2023 [Volume 2 Issue 7](#) 3 views

Language plays a crucial role in the pitching process by serving as a conduit between the investor's comprehension and confidence and the entrepreneur's vision. This article looks at a handful of theories and concepts about persuasion within the realm of language that can help or hurt an entrepreneur's pitch.